

[CON 14] KONTRAKTOR PEMBINAAN: KAEDAH PENDAFTARAN DAN MASALAHNYA

Muhammad Faris Omar¹ & Che Sobry Abdullah²

¹⁻²*Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah*
farisomar394@gmail.com¹, sobry@uum.edu.my²

ABSTRAK

Kontraktor merupakan satu syarikat yang bertanggungjawab untuk menjalankan sesuatu projek berdasarkan isi kontrak yang telah dimenangi dari pemilik projek sama ada berbentuk projek pembinaan atau pembekalan barangan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Kontraktor haruslah didaftarkan dibawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum dibenarkan untuk mengendalikan sesuatu projek. Kontraktor juga perlu untuk berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) bagi tujuan mendapatkan sijil taraf bumiputera. Namun, masih ramai yang tidak tahu cara untuk mendaftar sebagai seorang kontraktor serta pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kontraktor pembinaan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti prosedur-prosedur yang perlu dilalui sebelum menjadi seorang kontraktor bagi sesuatu projek pembinaan. Kajian ini diperolehi secara kualitatif iaitu dengan menemubual kontraktor untuk mendapatkan maklumat yang tepat secara menyeluruh mengenai kontraktor pembinaan. Kajian mendapati kontraktor menghadapi beberapa cabaran seperti dikenakan peraturan kontrak yang ketat, risiko yang sangat tinggi, persaingan yang sangat sengit dan kekurangan tenaga kerja. Kawasan bagi kajian ini meliputi Daerah Kota Bharu, Kelantan. Di Malaysia, kebanyakan golongan yang ingin menceburkan diri dalam industri pembinaan tidak mengetahui prosedur-prosedur penting yang perlu dilalui sebelum menjadi kontraktor binaan. Oleh itu, kajian ini membantu memudahkan pihak yang berminat untuk terlibat dalam industri pembinaan.

Kata kunci: *kontraktor, pembinaan, prosedur, projek, cabaran*

PENGENALAN

Industri pembinaan di Malaysia merupakan antara industri yang memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi negara. Industri ini menjadi pemangkin kepada industri lain untuk turut berkembang maju seperti perkilangan, perkhidmatan, kewangan dan lain-lain. Ketika negara sedang mengalami masalah pertumbuhan ekonomi, sektor pembinaan masih mampu untuk terus berkembang dan menyumbang kepada ekonomi negara. Pada tahun 2001, sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 2.1 peratus (RM7.10 bilion) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan meningkat kepada 2.3 peratus (RM7.28 bilion) pada tahun 2002. Peningkatan ini berterusan dengan kadar purata 0.6 peratus iaitu dari tahun 2000 hingga 2005. Industri pembinaan sebenarnya mempunyai pelbagai risiko yang sangat tinggi berbanding industri lain (Md Shamir, 1992). Namun begitu, industri ini mendapat sambutan yang memberangsangkan kerana ia menjanjikan pendapatan yang sangat lumayan. Pihak

yang terlibat dalam menentukan hala tuju industri pembinaan ini ialah kontraktor pembinaan.

Kemerosotan dalam industri pembinaan telah berlaku sekitar tahun 2005 dan 2006 iaitu pada kadar negatif 5.1 peratus. Perkara ini menyebabkan berlakunya pengurangan projek sekitar tahun tersebut. Ini seterusnya menyebabkan pertambahan bilangan kontraktor yang bankrap (CIDB News, 2005). Kontraktor hendaklah mempunyai kewangan yang kukuh untuk memenangi sesuatu projek pembinaan. Kewangan merupakan faktor yang sangat dititik beratkan bagi sesebuah organisasi kontraktor kerana ia akan digunakan sebagai modal pusingan bagi sesuatu projek.

Tanggungjawab sebagai seorang kontraktor bukanlah semudah yang disangkakan. Hal ini kerana mereka perlu menjalani beberapa prosedur yang sangat ketat sebelum layak bergelar sebagai seorang kontraktor. Maksud sebenar kontraktor boleh ditakrifkan sebagai individu atau pihak yang diberi kuasa dalam menjadikan sesebuah lukisan atau gambar ke dalam bentuk dan saiz yang sebenar mengikut kontrak yang telah ditetapkan. Seseorang kontraktor tidak memerlukan tahap kelulusan pengajian yang tinggi. Kontraktor yang berjaya merupakan kontraktor yang mampu menyiapkan projek pembinaan selari dengan kehendak dan citarasa majikannya tanpa mengalami sebarang kerugian. Reputasi yang cemerlang memberi kesan positif yang besar kepada syarikat. Hal ini kerana syarikat tersebut mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk memenangi sesuatu kontrak pembinaan.

Selari dengan perubahan masa, industri pembinaan dilihat semakin rancak. Industri ini sangat giat dijalankan di bandar-bandar besar mahupun luar bandar. Situasi ini menyebabkan semakin ramai pihak yang ingin terlibat dalam industri pembinaan kerana mempunyai peluang yang sangat cerah. Kerajaan juga amat menggalakkan penglibatan kontraktor bumiputera di dalam industri pembinaan.

Pernyataan masalah

Industri pembinaan secara langsungnya melibatkan beberapa pihak seperti pelanggan, perunding, pihak berkuasa, pembekal dan kontraktor. Bidang pembinaan sememangnya telah menarik minat ramai orang terutamanya di kalangan bumiputera. Namun begitu, masih ramai yang tidak mengetahui prosedur-prosedur yang harus dijalani sebelum menjadi seorang kontraktor. Syarat-syarat yang dikenakan sebelum menjadi kontraktor adalah sangat ketat kerana mempunyai risiko yang tinggi.

Selain itu, golongan-golongan yang ingin menjadi kontraktor juga tidak memahami tatacara untuk mendapatkan sesuatu projek atau tender sama ada dari pihak kerajaan atau persendirian. Tatacara tersebut adalah perkara yang sangat penting untuk dipatuhi oleh kontraktor sebelum diberi kepercayaan untuk mengawal sesebuah projek pembinaan melalui proses pemilihan.

Perkara yang paling menguji seseorang kontraktor adalah melalui cabaran dan masalah yang sering dihadapi. Kontraktor bertanggungjawab menanggung segala risiko yang bakal dihadapi semasa menjalankan sesuatu projek di bawah kuasanya. Jumlah kontraktor yang telah disenarai hitam semakin bertambah pada setiap tahun kerana tidak mampu untuk menanggung risiko sama ada dari segi bebanan tanggungjawab mahupun kewangan.

Objektif kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dikenal pasti, objektif kajian adalah:

1. Untuk mengkaji prosedur-prosedur yang perlu dilakukan dalam mencapai matlamat untuk menjadi seorang kontraktor binaan.
2. Untuk mengenal pasti langkah-langkah yang perlu dilalui oleh seorang kontraktor dalam mendapatkan sesebuah projek pembinaan dan tender dari pemilik projek.
3. Untuk mengkaji masalah yang sering dihadapi oleh seorang kontraktor dan cara mengatasinya.

Skop kajian

Kajian ini adalah difokuskan kepada kontraktor kelas G2 yang menjalankan kerja-kerja pembinaan di sekitar daerah Kota Bharu. Pemilihan lokasi ini adalah bertujuan bagi memudahkan kajian ini dilakukan.

Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan agar dapat membantu memudahkan pihak-pihak yang ingin bergiat dalam bidang pembinaan serta memberi manfaat yang berguna kepada bakal-bakal kontraktor. Kajian ini melibatkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk diiktiraf sebagai seorang kontraktor.

Kajian ini juga dapat digunakan sebagai panduan untuk membantu bakal kontraktor yang ingin menceburi bidang pembinaan untuk mendapatkan sesebuah tender atau projek pembinaan mengikut prosedur yang ditetapkan. Melalui panduan ini, kontraktor juga mampu untuk lebih peka terhadap projek atau tender yang akan dikeluarkan sama ada di papan kenyataan sesebuah jabatan, iklan dalam surat khabar atau di dalam laman web rasmi e-perolehan.

Selain itu, kajian ini sangat berguna kepada kontraktor binaan kerana dapat mengetahui masalah-masalah dan cabaran yang wujud sepanjang penglibatan mereka dalam sektor pembinaan. Kajian ini dapat dijadikan penanda aras kepada kontraktor supaya mampu meminimumkan risiko yang terjadi dan meningkatkan keuntungan syarikat.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini dilakukan bagi mendapatkan prosedur-prosedur penting yang perlu dihadapi oleh bakal kontraktor dalam merealisasikan impian untuk menjadi seorang kontraktor pembinaan. Kajian ini dilakukan dengan melakukan penyelidikan terhadap buku-buku, jurnal, internet dan temubual. Hasil daripada penyelidikan, faktor utama yang perlu ada sebelum menjadi seorang kontraktor ialah dari segi modal. Modal yang dimiliki akan melayakkan individu untuk memohon sijil kontraktor daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berdasarkan jumlah modal yang ingin dilaburkan berserta syarat kelayakan pendaftaran. Bagi menjamin keutuhan sesebuah organisasi, pengurusan modal adalah amat penting (Garden & Creese, 2000; Barrow, 2006).

Seorang kontraktor yang baik akan memahami bahawa kejayaan sesuatu projek bergantung kepada kebolehan masing-masing untuk mengambil sub-kontraktor bebas yang betul dan ikut kehendak pelanggan (Pollick, 2006). Kontraktor bertanggungjawab keatas sesuatu projek bermula dari peringkat pengurusan sehinggalah ke peringkat

tenaga kerja iaitu buruh binaan. Salah satu industri yang mempunyai risiko yang sangat tinggi dari segi ekonomi merupakan sektor pembinaan (Jaselskis & Suazo, 1994).

Pada waktu dahulu, pendaftaran kontraktor adalah melalui Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah Kementerian Keusahawanan. Pengkelasan kontraktor pula adalah dari kelas A sehingga F. Pada masa yang sama, pendaftaran juga boleh dibuat melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dengan pengkelasan dari G1 sehingga G7. Kedua-dua jabatan ini menjalankan tugas yang sama dan menyebabkan berlaku pertindihan fungsi di mana kontraktor terpaksa membayar dua yuran pendaftaran. Oleh sebab itu, Satu Sistem Pendaftaran Kontraktor telah berkuatkuasa di bawah CIDB di mana pendaftaran di bawah PKK telah terbatal (Kementerian Kerja Raya, 2012). Namun, sijil Taraf Bumiputera masih digunakan di bawah seliaan PKK. Kontraktor hanya dibenarkan mendaftar satu kelas pendaftaran sahaja pada satu masa. Jadual 1 di bawah menunjukkan pengkelasan kontraktor mengikut gred dan had kewangan.

Jadual 1
Kos projek mengikut gred (CIDB, 2016)

Gred pendaftaran	Had kewangan (RM)
G1	Tidak melebihi 200,000
G2	Tidak melebihi 500,000
G3	Tidak melebihi 1 juta
G4	Tidak melebihi 3 juta
G5	Tidak melebihi 5 juta
G6	Tidak melebihi 10 juta
G7	Tiada had

Kesemua gred kontraktor di atas layak untuk beroperasi di seluruh Malaysia kecuali gred G1 dan G2. Bagi gred G1, kawasan projek hanya terhad di daerah yang didaftarkan sahaja manakala G2 hanya terhad di negeri yang didaftarkan sahaja.

Penenderan projek

Tender dilakukan bertujuan untuk memilih kontraktor yang layak dan mewujudkan satu persetujuan di antara kedua-dua pihak. Selepas proses tender selesai dengan pemilihan kontraktor, ikatan kontrak telah terbina secara automatik. Tujuan tender dikeluarkan adalah bagi mendapatkan tawaran harga yang terbaik dan tempoh masa kerja yang sistematik.

Proses mendapatkan tender bermula dari pembelian borang tender mengikut harga yang ditetapkan. Pembelian borang tender dilakukan di pejabat-pejabat jabatan, contohnya di Jabatan Kerja Raya, Pejabat Pelajaran Daerah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebagainya. Borang tender hendaklah diisi mengikut profil syarikat dan menentukan jumlah harga serta tempoh kerja.

Selepas pembelian borang tender, kontraktor diwajibkan untuk melawat tapak projek dan mengisi borang kehadiran taklimat dan pengesahan lawatan tapak. Borang tersebut akan disahkan oleh pemilik projek.

Selepas pengisian tender, borang tender perlulah dihantar ke jabatan berkenaan sebelum tamat tempoh penghantaran tender. Selepas penghantaran tender, proses pemilihan kontraktor adalah dibawah kuasa jabatan berkenaan. Sekiranya kontraktor terpilih untuk memenangi kontrak, makluman akan diberikan kepada syarikat kontraktor tersebut.

METODOLOGI

Aktiviti pembinaan semakin giat dijalankan selari dengan perubahan masa. Ini menyebabkan semakin ramai pihak yang ingin terlibat sebagai kontraktor binaan tetapi tidak mengetahui langkah-langkah untuk mendapatkan lesen kontraktor. Kajian ini dapat membantu golongan yang berminat untuk mendapatkan lesen tersebut. Maklumat kajian ini diperolehi dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu pengumpulan data melalui interaksi secara langsung bersama kontraktor. Data-data yang diperolehi telah dikumpul dan dianalisis untuk dipersembahkan ke dalam maklumat yang lebih mudah. Pada peringkat awal temubual, penulis mendapatkan maklumat daripada syarikat A berkenaan pengurusan syarikat ini dalam industri pembinaan. Syarikat ini didapati mempunyai lesen kontraktor gred G2 dan telah banyak menyiapkan projek pembinaan di negeri Kelantan. Syarikat ini mula berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sejak dari tahun 2002.


Tujuan kajian ini juga adalah bagi mencapai objektif untuk kajian masa hadapan untuk kegunaan pembaca dan orang awam mengenai kontraktor dan industri pembinaan. Antara soalan yang dirangka ialah:

- 1) Apakah prosedur-prosedur yang perlu dilakukan untuk menjadi seorang kontraktor?
- 2) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan sesuatu tender atau projek?
- 3) Apakah masalah-masalah yang sering dihadapi oleh kontraktor?
- 4) Apakah cabaran yang paling besar terhadap seorang kontraktor?

HASIL KAJIAN

Prosedur mendapatkan lesen kontraktor

Berdasarkan temubual dan kajian yang dilakukan, segala maklumat berkaitan kontraktor telah dikenalpasti. Prosedur-prosedur untuk mendapatkan lesen kontraktor ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1

Carta alir prosedur pendaftaran kontraktor

1) Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Pihak kontraktor diwajibkan untuk mendaftarkan sebuah syarikat di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 sebagai syarat utama sebelum bergelar kontraktor. Bagi pemprosesan ini, yuran sebanyak RM50.00 akan dikenakan. Segala dokumen sokongan pihak pemohon hendaklah disahkan terlebih dahulu. Pemohon boleh memilih jenis perniagaan yang diinginkan sama ada jenis persendirian, perkongsian, perusahaan atau firma. Bagi syarikat perseorangan dan perkongsian, bayaran pendaftaran baru adalah sebanyak RM850.00. Bagi Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad pula, yuran pendaftaran yang dikenakan adalah sebanyak RM1,100.00.

2) Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia

Bagi pendaftaran ini kontraktor perlu mengemukakan penyata akaun bank yang terbaru. Penyata tersebut hendaklah sama dengan nama syarikat yang memohon. Pendaftaran ini adalah bertujuan mendapatkan kepercayaan dari pihak kementerian untuk mengawal sesebuah projek pembinaan.

3) Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994

Kehadiran serta lulus kursus integriti dan Kod Etika Kontraktor merupakan keutamaan. Pemohon mestilah memiliki minima mata dalam Pembangunan Kontraktor Berterusan (CCD) dan permohonan sijil ini hanya dibuat oleh pemilik syarikat sahaja. Kontrak pembinaan tidak akan diperolehi sekiranya tidak berdaftar dengan CIDB. Pendaftaran ini bertujuan mendapatkan sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor daripada pihak CIDB. Perakuan ini hanya milik tetap dan tidak boleh dipindahmilik. Pengkhususan pendaftaran terbahagi kepada tiga kategori iaitu pembinaan bangunan (B), pembinaan kejuruteraan awam (CE), dan mekanikal dan elektrik (ME). Pengalaman dalam pembinaan selama dua tahun amat diperlukan semasa proses permohonan.

Pendaftaran dengan CIDB juga adalah bertujuan mendapatkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan kad hijau. Sijil ini berfungsi sebagai bukti bahawa kontraktor layak untuk mendapatkan sesuatu kerja sama ada dari pihak kerajaan atau swasta. Pendaftaran ini adalah mengikut gred atau kelas kontraktor yang dipohon. Semasa memohon tender, sijil ini hendaklah dikemukakan bersama-sama Perakuan Pendaftaran.

4) Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor

Pendaftaran ini adalah untuk melayakkan kontraktor untuk diiktiraf sebagai taraf Bumiputera. Bagi pengiktirafan ini, semua fungsi pengurusan di dalam organisasi hendaklah dikuasai oleh Bumiputera termasuklah dari segi saham dan jumlah pekerja. Pengiktirafan ini boleh dibatalkan jika kontraktor melanggar mana-mana syarat yang tertulis dengan kuasa Pusat Khidmat Kontraktor.

Kaedah pendaftaran kontraktor juga boleh dibuat melalui atas talian di 'www.cidb.gov.my'. Kesemua sijil-sijil pendaftaran kontraktor mempunyai tempoh sah laku tersendiri dan perlu diperbaharui setelah tamat tempoh sah laku.

Kelayakan kewangan

Faktor yang paling penting yang harus dikekalkan oleh pemohon sepanjang tempoh pendaftaran adalah kewangan. Jadual 2 di bawah menunjukkan kelayakan kewangan mengikut gred kontraktor.

Jadual 2
Permohonan gred kontraktor mengikut kelayakan modal (CIDB, 2016)

Gred	G1	G2	G3	G4	G5	G6	G7
Modal terkumpul (RM)	5,000/ 10,000	25,000	50,000	150,000	250,000	500,000	750,000

Permohonan kepala dan sub-kepala mengikut bidang kerja

Permohonan ini adalah hanya berdasarkan kepala dan sub-kepala yang terdapat dalam pendaftaran kerja awam pusat. Contohnya terdapat dalam Jadual 3 di bawah

Jadual 3
Pendaftaran kepala dan sub-kepala mengikut bidang kerja (Buku Panduan Pendaftaran Kontraktor, CIDB, 2010)

Kepala dan Sub-kepala	Bidang kerja
Kepala I	Kerja kejuruteraan awam
Kepala II	Kerja bangunan
Kepala III	Kerja kejuruteraan mekanikal, pembersihan dan air
Kepala IV	Lain-lain kerja pakar kejuruteraan awam
Kepala V	Kerja kuari, membekal logam dan tanah, pengangkutan
Kepala VI	Kerja perhutanan dan pembangunan tanah
Kepala VII	Kerja telekomunikasi

Dokumen yang diperlukan semasa proses penghantaran tender

Kesemua dokumen di bawah diperlukan semasa proses penghantaran borang tender dan pengesahan oleh syarikat kontraktor diperlukan seperti tandatangan dan cop syarikat.

- a) Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- b) Sijil Kementerian Kewangan Malaysia
- c) Sijil Perakuan Pendaftaran daripada CIDB
- d) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan daripada CIDB
- e) Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera daripada Pusat Khidmat Kontraktor
- f) Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat dan Lawatan Tapak
- g) Borang Sebut Harga

Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh kontraktor

Kontraktor tidak dapat lari dari cabaran dan permasalahan. Masalah berlaku mungkin disebabkan dari pengurusan kontraktor itu sendiri atau dari pihak atasan. Antara masalah dan cabaran tersebut ialah:

a) Serahan projek yang lambat

Serahan projek yang lambat ke tangan kontraktor menyebabkan kontraktor mempunyai kekangan masa dalam menyiapkan projek tersebut. Kes ini pernah terjadi semasa projek pembinaan MATRADE di mana berlaku kelewatan selama 2,276 hari. Hal ini menyebabkan pertambahan kos daripada RM167 juta kepada RM287.5 juta.

b) Bayaran tuntutan lambat dilakukan

Bagi kontraktor binaan, selepas projek pembinaan selesai, langkah yang diambil adalah memohon tuntutan bayaran terhadap projek tersebut. Walaubagaimanapun, ada sesetengah pelanggan lambat membayar balik kos pembinaan kepada kontraktor kerana masalah kewangan. Perkara ini memberi kesan kepada kontraktor kerana kontraktor ketiadaan sumber modal pusingan terhadap projek yang seterusnya.

c) Sumber yang tidak cukup

Dalam cabaran ini, kontraktor mengalami masalah pekerja yang tidak tetap serta masalah alatan jentera yang kurang. Perkara ini akan menyebabkan sesuatu kerja pembinaan menjadi perlahan dan seterusnya memberi kesan terhadap masa yang diperuntukkan di dalam jadual kerja untuk penyiapan projek.

Cara mengatasi masalah dan cabaran

Kontraktor boleh mengurangkan dan mengatasi masalah yang berlaku melalui pengurusan yang sistematik. Antaranya termasuklah:

a) Mendapatkan lanjutan masa

Kontraktor yang mempunyai kekangan masa dalam proses pembinaannya boleh memohon pelanjutan masa kontrak terhadap pemilik projek. Pelanjutan masa ini bertujuan menyiapkan projek yang masih berbaki. Segala kos dalam tempoh masa lanjutan tersebut masih di bawah tanggungjawab kontraktor.

b) Menyediakan alatan jentera yang cukup

Penyediaan alatan yang cukup memberi kelebihan yang besar kepada kontraktor. Hal ini kerana ia dapat membantu organisasi untuk menyiapkan projek selari dengan jadual kerja disamping memberi kualiti yang terbaik terhadap binaan.

c) Melaksanakan sistem pengurusan modal yang cekap

Sistem ini sangat penting kepada organisasi kontraktor kerana dapat membantu mengawal aliran keluar modal. Sistem ini dapat mengurangkan risiko projek tergendala sekiranya berlaku kenaikan harga bahan mentah.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada penulisan di atas, jelas menunjukkan bahawa prosedur-prosedur menjadi seorang kontraktor adalah sangat ketat. Tugas sebagai seorang kontraktor juga bukanlah semudah yang disangkakan. Kontraktor memikul tanggungjawab yang besar

dalam membangunkan industri pembinaan. Segala cabaran dan risiko akan ditanggung oleh kontraktor. Bagi sesetengah pelanggan, sikap seperti melambatkan bayaran tuntutan kepada kontraktor sebenarnya mempengaruhi industri pembinaan di Malaysia. Kontraktor terpaksa membatalkan niat untuk berkontrak buat sementara waktu kerana ketiadaan modal. Hal ini seterusnya menjejaskan pendapatan kontraktor. Kajian ini juga dapat membantu orang awam untuk menjadi kontraktor binaan. Data yang dikumpul memudahkan pelbagai pihak sebagai panduan sebelum menjadi seorang kontraktor. Perkara yang paling dititikberatkan sebelum berniat untuk mendaftar sebagai seorang kontraktor adalah dari segi modal. Hal ini kerana kewangan akan dijadikan modal pusingan bagi sesuatu projek pembinaan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bakal kontraktor harus menjalani banyak proses sebelum layak menjadi kontraktor. Prosedur-prosedur di atas dapat membantu bakal kontraktor bagi memenuhi syarat pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Tidak dinafikan juga bahawa penyertaan golongan Bumiputera dalam industri pembinaan semakin meningkat dan terlalu ramai sehingga ada masanya ia terpaksa dibekukan buat sementara waktu. Di samping itu, masalah dan cabaran besar yang akan dihadapi oleh bakal kontraktor juga akan dapat diminimumkan. Berdasarkan langkah-langkah yang telah dinyatakan, bakal kontraktor ini akan menjadi lebih bersedia dalam melengkapkan dokumen-dokumen yang diperlukan sebelum terlibat dalam proses tender. Walaupun syarat untuk menjadi seorang kontraktor terlalu banyak, ia tidak menghalang orang ramai untuk turut mendaftarkan diri sebagai kontraktor. Perkara ini sekaligus menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan kontraktor bertaraf Bumiputera kerana keistimewaan yang dimiliki berbanding kontraktor yang bertaraf Bukan Bumiputera. Namun, kerajaan juga haruslah mewujudkan lebih banyak sumber dan peluang kerja dalam industri pembinaan yang boleh digunakan oleh bakal kontraktor bagi memudahkan golongan ini untuk lebih berminat terhadap industri yang semakin berkembang maju ini.

RUJUKAN

- Ali, K. M. (1993). *Tender dan Kontrak Pembinaan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Keperluan dan Prosedur Pendaftaran Kontraktor. (2014). *Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan*, 7-21.
- Malaysia, L. P. (2016). Keperluan dan Prosedur Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB. 5-34.
- Nawi, T. M. (2013). Pembinaan Bangunan dalam kalangan Kontraktor di Negeri Kelantan. 11-14.
- Othman, M. H. (2010). A Study on Problems of Bumiputera Contractor In. 6-11.
- Rahman, M. S. (2010). Pengawalan Kos Projek Pembinaan oleh Kontraktor. 35-45.

- Raya, K. P. (2007). Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka dan Bina. 13-30.
- Saidin, A. (2010). Pendaftaran Kontraktor Kerja Awam. *Building Construction*, 1-10.
- Yunus, Z. (2013). Kriteria Pendaftaran Kontraktor. 1.